

# **PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR DAN KAITANNYA DENGAN PEMBANGUNAN DIRI DAN PELUANG PEKERJAAN**

**Dr. Abdullah Ibrahim**

*Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia(KUKTEM)*

## **PENDAHULUAN**

Kertas kerja ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman tentang kepentingan strategi pembelajaran yang dilaksanakan di tiga jenis institusi pendidikan - di sekolah, di maktab perguruan dan di universiti. Fokus perbincangan ini berkisar kepada strategi pembelajaran yang diamalkan dan implikasinya kepada pembangunan diri dan masa depan pelajar bila berdepan dengan alam pekerjaan. Semasa di sekolah sama ada secara sedar atau tidak kita mengaplikasikan pelbagai strategi pengajaran dengan harapan ianya boleh meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran. Pengetahuan dan kemahiran tentang strategi pengajaran ini diwarisi semasa menerima latihan di maktab-maktab perguruan atau pun semasa mengikuti program diploma pendidikan di mana-mana universiti yang menawarkannya. Ramai mengakui teknik syarahan masih mendominasi pengajaran seseorang guru di sekolah dalam menyampaikan isi pelajaran.

Di Maktab Perguruan, pensyarah menyampaikan pengajaran dengan mengaplikasikan pelbagai strategi seperti pengajaran di bilik darjah, perbincangan, perbincangan kumpulan dan sebagainya juga dengan tujuan menambah keberkesanan penyampaian mereka. Walau bagaimana pun pengalaman menunjukkan strategi pembelajaran di maktab-maktab perguruan masih menggunakan teknik syarahan sebagai kaedah utama penyampaian pensyarah. Sebagai sebuah maktab perguruan, guru pelatih dibekalkan dengan ilmu pedagogi yang memberi pengetahuan dan kemahiran mengajar dengan harapan mereka dapat mengamalkannya di sekolah. Tiada satu bentuk penekanan tentang strategi yang diberikan yang membawa kepada lepasan maktab perguruan mengulangi kaedah tradisional dalam pengajaran mereka. Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan PraPerkhidmatan keluaran Bahagian Pendidikan Guru (April 2002) juga tidak menggariskan penekanan tentang bentuk pendekatan yang harus diamalkan oleh guru pelatih terutama sekali pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. Justeru, kaedah tradisional terus membudayakan teknik pengajaran di mana-mana pusat pengajian hinggalah ke institusi pengajian tinggi.

Walaupun bagaimanapun kebelakangan ini timbul kesedaran tentang perlunya peralihan strategi pembelajaran terutama di IPTA. Kaedah tradisional bukan lagi cara terbaik dan mampu menyediakan pelajar dengan pelbagai kemahiran khususnya kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh sektor pekerjaan. Justeru beberapa seminar telah pun diadakan seperti seminar *Problem-Based Learning* anjuran Universiti Malaya, *International Conference on Learning and Teaching* anjuran UiTM dan 3<sup>rd</sup> International Workshop on Self-Learning Material Development anjuran USM. Kesemuanya bertujuan memberi kesedaran tentang perlunya peralihan dalam strategi pembelajaran.

Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (U-Tec) mengambil langkah awal dengan menggalakkan kakitangan akademiknya beralih daripada kaedah tradisional kepada kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar atau lebih popular di peringkat global dengan panggilan Student-Centred Learning (SCL). SCL telah dilaksanakan di negara maju dengan pelbagai panggilan seperti Student-Centred Instruction (Felder dan Brent, 1996) atau Student-Centred Teaching (Motschnig-Pitrik, 2004) atau Learner-Centered Instruction (Newby et al, 2000) dengan membawa maksud yang serupa. U-Tec mengambil tindakan proaktif hasil daripada maklumbalas dari sektor pekerjaan terutama sekali sektor perindustrian tentang kemahiran-kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang graduan apabila mereka ingin mencari pekerjaan seperti kemahiran komunikasi (lihat Mahaleel, 2002). Pendekatan SCL ialah strategi yang boleh membina tiga jenis kemahiran yang dianggap laris di

sektor pekerjaan iaitu pengetahuan dan kemahiran dalam *work related area* dan *soft skill* (di Barat lebih dikenali dengan *social skill*).

## **LATAR BELAKANG MASALAH**

Banyak rungutan dari sektor pekerjaan dari pelbagai disiplin seperti sains, teknologi serta kejuruteraan bahawa graduan kini tidak memiliki kemahiran yang benar-benar diperlukan oleh majikan. Misalnya sejak dari dulu lagi Pengerusi Federation of Manufacturing Malaysia (FMM), encik Hoong (1989, m.s.4) mengakui bahawa keluaran dari institusi teknikal memiliki kemahiran yang tidak setara dengan kehendak industri bila berkata “there is a gap between skilled jobs and the supply of skilled manpower...”.

Kebelakangan ini pula banyak kenyataan yang telah dikeluarkan mengenai perkara yang sama contohnya Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Kong Cho Ha pernah menyarankan supaya program pendidikan kita hendaklah melatih dan mampu melahirkan sumber manusia yang sesuai dengan pasaran kerja serta mahir terutama dalam pelbagai disiplin secara bersepadu untuk melahirkan pelapis dan profesional yang diharapkan. Kata beliau, “Dalam hal ini, pendidikan kita harus merupakan sistem pengajaran yang kreatif, inovatif dan bertaraf global” (UM, 19 Jun 2004, ms 10). Bekas Timbalan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Hitam juga membuat kenyataan yang sama bila beliau meminta sistem pendidikan negara ini dikaji semula supaya mampu menghasilkan tenaga manusia yang ‘laku’ di pasaran kerja.

Senario sekarang menunjukkan pelajar yang lulus cemerlang di sekolah sudah dianggap berjaya oleh kaum guru manakala nasib pelajar yang dihasilkan belum tentu benar-benar berjaya kerana masih ‘pincang’ dari segi kebolehan sebenar mereka. Walau pun pelajar yang berjaya ini melangkah kaki ke pusat pengajian tinggi mereka masih mengulangi sistem pembelajaran cara tradisional dan syarahan masih merupakan teknik yang dominan. Akhirnya mereka hanya lulus dan berbangga dengan ijazah mereka tanpa menyedari itu masih belum memadai untuk mereka menempuh alam pekerjaan kerana tidak memiliki kemahiran yang diperlukan selain hanya pengetahuan di bidang yang dipelajari. Menyedari hakikat ini U-Tec telah mengambil tindakan proaktif sebelum mengeluarkan graduan sulungnya pada tahun 2005 bagi lulusan diploma dan 2006 bagi lulusan ijazah dengan menyediakan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki oleh industri berteraskan *U-Tec’s core product* iaitu, pengetahuan teknikal, kemahiran teknikal, dan *soft skill*. *Soft skill* merupakan kemahiran utama yang diperlukan oleh sektor pekerjaan khususnya industri selain kemahiran dalam *work related area* (Rees, et al (1989); Mahaleel, 2002; Abdullah, 1998).

Untuk menghasilkan graduan yang memiliki kesemua kemahiran ini strategi SCL dipilih untuk diamalkan. Kertas kerja ini membincangkan kepentingan pendekatan SCL dalam proses pembelajaran serta kaitannya dengan pembangunan diri dan kemahiran pelajar dan seterusnya membincangkan kaitannya dengan kriteria yang harus dimiliki oleh calon yang memohon pekerjaan.

## **KEPERLUAN MEMAHAMI STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Perkataan strategi pembelajaran memang tidak asing lagi dikalangan kaum pendidik tetapi sejauh manakah seseorang pendidik itu serius dengan pelaksanaan strategi pengajaran yang dirancang itulah yang menjadi persoalan. Pendidik faham bahawa strategi yang sesuai boleh menarik perhatian pelajar dan seterusnya pelajar mudah memahami apa yang disampaikan. Dalam masa yang sama tanpa mereka sedari ada strategi yang jika dilaksanakan dengan serius boleh membina kemahiran pelajar secara menyeluruh yang mampu menyediakan pelajar dengan nilai tambah (value-added) apabila mereka mencari pekerjaan nanti. Strategi yang dimaksudkan ialah pembelajaran berpusatkan pelajar atau Student Centred Learning (SCL).

Pedagogi bestari yang diperkenalkan pada tahun 1998 seiring dengan sekolah dan kelas bestari sebenarnya telah membawa pendekatan berkenaan dengan pengajaran lebih berpusatkan pelajar. Ia juga mengubah peranan pendidik dari 'sage on the stage' kepada 'guide on the side' (Rosenberg, 2001). Oleh kerana para pendidik tidak bersungguh-sungguh mengamalkannya kerana tidak memahami dengan menyeluruh faedah daripada pelaksanaannya, maka tidak dapat diukur darjah kejayaannya. Lagi pun kata seorang pensyarah pendidikan di sebuah maktab perguruan, "sistem pendidikan kita masih berorientasikan peperiksaan, jadi guru terbudaya dengan sikap nak habiskan silabus. Tumpuan kepada aktiviti pelajar tidak diambil berat". Akhirnya teknik syarahan masih mendominasi strategi pembelajaran di kebanyakan sekolah dan pelajar terus dibudayakan dengan konsep 'spoon feeding'.

Walau bagaimana pun kebelakangan ini perubahan sudah dapat diperhatikan di mana konsep SCL telah berlaku di sekolah-sekolah walau pun tanpa disedari oleh guru-guru yang mengamalkannya. Ini dapat dilihat apabila ramai pelajar mengakui terdapat elemen pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Kajian ke atas 180 orang pelajar tahun satu di U-Tec telah dengan jelas menunjukkan perubahan ini. Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut negeri sekolah asal mereka. Semua pelajar mewakili negeri-negeri di seluruh Malaysia dengan kelebihan bilangan pelajar menjurus kepada negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia.

Jadual 1. Taburan Responden Mengikut Negeri

Negeri	N	Negeri	N
Kelantan	26 (14.4)	Perak	15 (8.3)
Terengganu	21 (11.7)	Kuala Lumpur	5 (2.8)
Pahang	27 (15.0)	P. Pinang	5 (2.8)
Johor	18 (10.0)	Kedah	12 (6.7)
Melaka	14 (7.8)	Perlis	5 (2.8)
N. Sembilan	5 (2.8)	Sabah	8 (4.4)
Selangor	15 (8.3)	Sarawak	4 (2.2)

Responden merupakan wakil daripada pelbagai jenis sekolah dan dipilih secara rawak. Jadual 2 menunjukkan taburan pelajar dari dua jenis sekolah iaitu sekolah harian biasa dan sekolah asrama penuh. Pelajar dari sekolah harian biasa mendominasi populasi U-Tec. Jadual 3 pula menunjukkan bilangan responden daripada setiap fakulti. Terdapat 5 fakulti di U-Tec iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, dan Fakulti Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian.

Jadual 2. Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah

Jenis Sekolah	N	%
Sekolah Harian Biasa	136	75.6
Sekolah Asrama Penuh	44	24.4

Jadual 3. Taburan Responden Mengikut Fakulti

Fakulti	N	%
Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	40	22.2
Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli	41	22.8
Kejuruteraan Mekanikal	48	26.7
Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam	34	18.9
Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian	17	19.4

Jadual seterusnya merupakan penilaian pelajar terhadap amalan strategi pembelajaran di sekolah menggunakan lima skala pendekatan Likert. Petunjuk yang digunakan ialah 1 (untuk tidak setuju) sehingga 5 (mewakili sangat setuju). Jadual 5 menunjukkan kaedah mengajar kesukaan pelajar manakala Jadual 6 ialah ekspektasi pelajar terhadap kaedah pengajaran yang diharapkan dilaksana di U-Tec.

Jadual 4. Respon Terhadap Kaedah Mengajar Di Sekolah

Sekolah/ Strategi	Syarah	Perbin.	Perbin. Kumpul	Simulasi	Demo	Inkuiri Penemuan	Luar Darjah
Keseluruhan	3.47	3.99	3.76	3.26	3.56	3.21	3.02
Sek Harian	3.43	3.99	3.74	3.15	3.59	3.28	3.05
Asrama Pen	3.59	4.00	3.82	3.59	3.48	2.98	2.91

Jadual 5. Kaedah Mengajar Kesukaan Pelajar

Sekolah/ Strategi	Syarah	Perbin.	Perbin. Kumpul	Simulasi	Demo	Inkuiri Penemuan	Luar Darjah
Keseluruhan	2.81	4.14	4.13	3.96	4.25	3.96	4.01
Sek Harian	2.76	4.15	4.18	3.90	4.22	3.95	4.02
Asrama Pen	2.95	4.11	3.98	4.14	4.34	4.00	4.00

Jadual 6. Ekspektasi Kaedah Mengajar Yang Akan Dilaksanakan Di U-Tec

Sekolah/ Strategi	Syarah	Perbin.	Perbin. Kumpul	Simulasi	Demo	Inkuiri Penemuan	Luar Darjah
Keseluruhan	3.15	4.30	4.31	4.18	4.38	4.05	4.03
Sek Harian	3.06	4.30	4.34	4.17	4.39	4.02	4.04
Asrama Pen	3.40	4.30	4.25	4.23	4.33	4.44	4.00

Perbandingan penilaian pelajar juga dibuat untuk melihat darjah perbezaan pelaksanaan kaedah mengajar di sekolah asal pelajar dengan ekspektasi mereka terhadap kaedah yang akan dilaksanakan di U-Tec. Data menunjukkan kesungguhan pelajar terhadap pelaksanaan kaedah yang harus diamalkan oleh pensyarah di U-Tec (Jadual 7).

Jadual 7. Perbandingan Amalan Kaedah Mengajar Di Sekolah dan Ekspektasi Pelaksanaan Di U-Tec

Strategi	Syarah	Perbin.	Perbin. Kumpul	Simulasi	Demo	Inkuiri Penemuan	Luar Darjah
Di Sekolah	3.47	3.99	3.76	3.26	3.56	3.21	3.02
Di U-Tec	3.15	4.30	4.31	4.18	4.38	4.05	4.03

Tidak dapat dinafikan bahawa syarahan ada kebaikannya kerana ia mampu menyampaikan maklumat yang banyak dalam masa yang singkat dan ia juga sesuai dilaksanakan bila melibatkan pelajar yang ramai. Ini menukarkan *trainer-as-expert* kepada *learners-as-novices*. Namun kaedah syarahan sudah menjadi sasaran kritikan. Kajian yang dijalankan di kalangan pengarah-pengarah latihan di Amerika menunjukkan syarahan dianggap sebagai kaedah penyampaian yang kurang berkesan. Satu sebab utama ialah kerana kaedah ini tidak melibatkan pelajar dalam aktiviti pembelajaran.

*Bob Pike of Creative Training Techniques International*, Minneapolis menyediakan peraturan untuk latihan di mana tidak ada modul latihan yang melibatkan pengajaran melebihi 90 minit. Rentak pengajaran akan bertukar setiap dua puluh minit, dan mereka akan cuba melibatkan pelajar setiap lapan minit. Buku Tony Buzan bertajuk *Use Both Sides of Your Brain* juga menyatakan orang dewasa mampu dengar dan faham dalam masa 90 minit sahaja manakala mereka boleh dengar serta mengamati cuma selama dua puluh minit sahaja.

#### ***Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL)***

Banyak huraian dapat dibuat tentang SCL. Bagaimanapun ia akan menjurus kepada satu idea asas iaitu **pelajar**. SCL boleh didefinisikan sebagai disiplin yang melibatkan interaksi antara pasukan pelajar yang mengalami pembelajaran kreatif yang akan diaplikasikan dalam situasi sebenar (Thorburg, 1995). Dalam SCL guru bukanlah tarikan utama. Pendekatan ini juga menjadikan pelajar diistilahkan sebagai 'pasangan' dengan guru sebagai sebahagian proses pembelajaran (Alley, 1996). Csete dan Gentry (1995) menggunakan istilah SCL sebagai pengajaran yang dikawal oleh pelajar. Kawalan

disini bermaksud pelajar mengawal prosedur, masa dan penilaian untuk memenuhi keperluan mereka yang berbeza.


Seorang tokoh pendidikan di Amerika iaitu Richard M. Felder berkata beban komunikasi akan terletak pada pelajar dalam pendekatan SCL. SCL ialah satu pendekatan pembelajaran yang meluas termasuk teknik-teknik seperti menukarkan pengalaman belajar secara aktif, menyelesaikan masalah yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif, melibatkan pelajar dalam simulasi dan main peranan, menggunakan teknik kadar sendiri dan pembelajaran koperatif. Dalam SCL guru menyediakan pelajar peluang belajar secara bebas. SCL akan meningkatkan motivasi, pemahaman, dan pelajar akan lebih meminati pelajaran yang diajar (Meyes dan Jones 1993).

Tidak seperti pembelajaran berpusatkan guru (Teacher-Centered Learning), strategi SCL mengandungi pelbagai kaedah latihan yang mampu membina kemahiran sosial pelajar. Individu belajar dengan cara yang berbeza, dan dengan mengaplikasikan pelbagai kaedah akan meningkatkan kemungkinan pelajar akan 'terkena' dengan sekurang-kurangnya satu daripada kaedah yang dilaksanakan. Dengan menggunakan satu kaedah sahaja ia akan membosankan pelajar. Perlu diingat bahawa pelajar berlainan dan matlamat latihan yang berlainan memerlukan pendekatan yang fleksibel.

### ***Kepentingan SCL***

Banyak kajian membuktikan kebaikan amalan pendekatan SCL. Lebih penting lagi ia boleh membantu mencapai matlamat pendidikan negara dengan membantu mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru kerana penerapan nilai sosial boleh disediakan melalui kaedah ini. SCL secara umumnya dapat membina individu yang akan memiliki fikiran berdaya tinggi (higher-order thinking) kerana:

1. pendekatan ini (SCL) melatih pelajar tentang kemahiran menyelesaikan masalah iaitu melibatkan 'reasoning' untuk menyelesaikan masalah yang kompleks.
2. Pengajaran berpusatkan guru hanya sesuai untuk menyampaikan maklumat berfakta, menggunakan *mnemonic* dan latihan dan sekali gus membina pemikiran aras rendah.
3. Penggunaan teknik-teknik seperti simulasi, inkuiri-penemuan, penyelesaian masalah, pembelajaran koperatif boleh membina kemahiran berfikir aras tinggi.
4. Dapat menghayati masalah dan cara penyelesaiannya. Oleh itu pelajar perlu melibatkan diri dengan pelbagai sumber (lihat gambarajah di bawah).



5. Pendekatan SCL akan mengubah peranan guru:

<i>Daripada</i>	<i>Kepada</i>
Sentiasa dilihat sebagai pakar isi kandungan matapelajaran dan sumber untuk semua jawapan bagi persoalan.	Penglibatan dalam banyak masa sebagai seorang yang tidak tahu semua tetapi sanggup belajar.
Dilihat sebagai sumber utama maklumat yang sentiasa menyampaikannya kepada pelajar.	Dilihat sebagai penyokong, pemberi kerjasama, dan jurulatih di mana pelajar belajar bersama-sama dan menilai sendiri maklumat berkenaan.
Sentiasa bertanyakan soalan dan mengawal fokus pembelajaran.	Melatih pelajar membina dan mengeluarkan soalan dan mencari penyelesaian sendiri melalui pelbagai cara
Mengarahkan pelajar melakukan latihan langkah-demi-langkah supaya semua mencapai keputusan yang sama.	Menggalakkan individu menggunakan pengetahuan dan kemahiran sendiri mencapai penyelesaian.

Rujukan: Newby et al. (2000).

Walau bagaimana pun strategi ini tidak dapat lari daripada kesulitannya seperti guru sukar menghabiskan sukatan plajaran. Tinjauan Felder mendapati guru merungut dengan berkata, "If I spend time in class on active learning exercises, I'll never get through the syllabus." Lain-lain rungutan ialah seperti hilang kawalan kelas, pelajar sukar memahami sekiranya dibiarkan mereka belajar sendiri dan pelajar tidak melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan. Sebenarnya guru tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang pendekatan mengajar kaedah SCL kerana tiada pendedahan yang cukup. Tetapi melalui pengalaman dan latihan perkara ini boleh diatasi (Dinan and Frydrychowski, 1995).

### **KRITERIA MAJIKAN DALAM MEMILIH PEKERJA**

Ramai beranggapan seseorang yang memiliki kelulusan sudah cukup kompeten dan bersedia untuk menghadapi alam pekerjaan. Tanpa mereka sedari kelulusan dalam bidang tertentu semata-mata masih belum mencukupi untuk melayakkan diri mereka untuk diambil bekerja. Maksud kompeten dalam kerja ialah seseorang mesti mampu melaksanakan peranan mereka bukan sahaja cekap melakukan tugas-tugas di bidang yang diceburi, tetapi seseorang mestilah boleh menguruskan tugas tersebut seperti boleh menilai keutamaan dan menentukan urutan, bijak menangani sesuatu kejadian yang tak diduga, dan boleh bertindak dengan berkesan terhadap persekitaran kerja (Stewart and Sambrook, 1995). Semua di atas memerlukan individu yang memiliki aras pemikiran tinggi.

Banyak kajian menunjukkan kemahiran selain di bidang kerja amat penting dalam melengkapkan diri seseorang untuk memasuki alam pekerjaan. Justeru, Jones dan Moore (1995) menyifatkan kemahiran sosial merupakan faktor utama dalam memburu peluang pekerjaan walau pun ia masih 'terselindung' dalam mentakrifkan ketrampilan seseorang. Oleh sebab itulah Rees et al. (1989) pernah menekankan sekiranya sesuatu pekerjaan itu memerlukan kemahiran teknikal, kemahiran sosial sentiasa diperlukan untuk seseorang itu mencapai tahap ketrampilannya. Apabila pekerjaan itu tidak memerlukan kemahiran teknikal, kemahiran sosial sentiasa menjadi kriteria utama majikan dalam memilih pekerja. Pendidikan umum (general education) penting kerana banyak majikan mengandaikan ianya menjadi

asas pembentukan kemahiran di bidang kerja, pembangunan diri dan kemahiran sosial (Bengtsson, 1993).

Kajian Hallak dan Caillods (1980) tentang bagaimana majikan mengambil pekerja telah dilakukan di dua buah negara – Panama dan Indonesia. Di Panama, mereka mengkaji 15 industri termasuk industri pembuatan, perkhidmatan, bank dan pendorongan; manakala di Indonesia mereka mengkaji sektor perdagangan, pembinaan, tekstil dan penghotelan. Hasil kajian mereka menunjukkan majikan menumpukan kepada tiga kriteria dalam menawarkan pekerjaan - Kognitif, afektif dan askriptif. Dalam aspek kognitif, majikan melihat kelulusan calon, latihan vokasional, pengalaman bekerja, dan pengetahuan dalam bahasa asing. Dalam aspek afektif pula, majikan menilai sahsiah dan sikap calon. Dalam hal ini Velde dan Hopkins (1994) menyiasat tentang maklumat yang diperlukan oleh majikan tentang graduan yang berpotensi untuk ditawarkan pekerjaan. Mereka dapati majikan memerlukan maklumat mengenai kebolehan berkomunikasi, berminat, kebolehan bekerja perpasukan, toleransi, bersemangat, ada inisiatif dan boleh dipercayai. Aspek terakhir mengikut Hallak dan Caillods ialah kriteria askriptif, iaitu majikan juga inginkan calon pekerja mereka bersih daripada gejala negatif dan sihat tubuh badan. Oleh itu, rekod polis dan rekod kesihatan juga diambil kira selain kepentingan seperti jantina, bangsa, umur dan taraf perkahwinan.

Satu kajian telah dijalankan di Malaysia ke atas 110 syarikat elektrik tentang kriteria yang digunakan untuk memilih calon pekerja. Syarikat telah dikategorikan kepada tiga – kecil (tidak melebihi 50 pekerja); sederhana (51 hingga 200 pekerja); dan besar (melebihi 200 pekerja). Dapatan kajian menunjukkan majikan mengutamakan kemahiran sosial dalam memilih calon pekerja. Dapatan ini menyamai kajian Stasz (1997) di Amerika di mana majikan di Amerika juga memilih kemahiran sosial termasuk kemahiran berkomunikasi sebagai faktor utama memilih pekerja. Ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan dan latihan membina kemahiran sosial untuk membolehkan individu laris di pasaran pekerjaan. Jadual 8 menunjukkan urutan faktor yang menjadi kriteria yang dianggap penting dalam memilih pekerja. Data dalam jadual menunjukkan sahsiah dan kemahiran sosial menjadi kriteria yang sangat penting manakala kelulusan merupakan 'pilihan kedua' syarikat-syarikat berkenaan. Ringkasnya kriteria afektif mendahului kognitif kemudian diikuti oleh kriteria askriptif.

Jadual 8. Kriteria Pemilihan Calon Pekerja

Kriteria	Kedudukan
Berminat	1
Menepati waktu	2
Boleh dipercayai	3
Boleh bekerja berpasukan	4
Berpengalaman	5
Sifat fizikal	6
Jenis institusi dihadiri	7
Kelulusan	8
Umur	9
Taraf perkahwinan	10



## IMPLIKASI DAN PERTIMBANGAN DASAR

Kaedah SCL mampu membentuk kematangan peribadi pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan ianya berlaku secara berterusan. Ini tidak bererti penulis mengabaikan kepentingan teknik syarahan di mana elemen-elemen teknik berkenaan sentiasa perlu. Selain meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran, pendekatan SCL bertujuan membina kemahiran sosial pelajar bagi membekalkan diri mereka dengan alam pekerjaan di mana kemahiran berkomunikasi, *leadership*, kerja berpasukan, dan kebolehan menyelesaikan masalah merupakan kriteria yang sentiasa dituntut oleh sektor pekerjaan. Oleh itu, wajar kiranya strategi ini diberi perhatian bermula dari bangku sekolah lagi. Ini memudahkan pelajar bila menjejak kaki ke institusi pengajian tinggi tanpa mengalami kejutan disebabkan peralihan strategi pembelajaran di mana corak pembelajaran akan beralih kepada pembelajaran berpusatkan pelajar atau pembelajaran berasaskan masalah atau lain-lain bentuk strategi yang lebih bertumpu kepada pelajar. Sehubungan itu, beberapa cadangan dikemukakan untuk penambahbaikan pendekatan ini:

1. Kepentingan pembelajaran berpusatkan pelajar perlu difahami oleh semua pendidik. Oleh itu beberapa program kesedaran wajar diatur oleh pengurusan tertinggi pendidikan.
2. Dengan melaksanakan SCL guru bimbang tidak dapat menghabiskan sukatan pelajaran. Anggapan ini sebenarnya tidak tepat kerana dengan melaksanakannya dengan betul ia boleh menyumbang kepada banyak lagi kebaikan. Justeru, ia memerlukan latihan tentang cara melaksanakannya.
3. Pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar perlu dipantau dari masa ke semasa. Oleh kerana sistem pendidikan kita masih berorientasikan peperiksaan, guru terus terbudaya dengan kaedah syarahan. Ini kerana pelajar tidak mempunyai keyakinan belajar tanpa bergantung kepada guru.
4. Pendekatan SCL perlu diberi penekanan oleh institusi pendidikan guru seperti maktab-maktab perguruan.

## KESIMPULAN

Kemahiran sosial harus diterap sejak dari bangku sekolah lagi supaya pelajar tidak menghadapi masalah bila menjejak kaki ke institusi pengajian tinggi dan seterusnya ke alam pekerjaan. Justeru, pendidik haruslah membawa pendekatan pengajaran yang sesuai yang mendominasi aktiviti pembelajaran yang melibatkan pelajar. Ini jelas berdasarkan kajian dan pengalaman yang telah dibuktikan. Pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) merupakan satu daripada pendekatan yang dicadangkan dilaksanakan di dalam kelas atau bilik kuliah.

Kesimpulannya, pertukaran ke arah pendekatan SCL di sekolah membolehkan pelajar memainkan peranan yang aktif dalam proses pembelajaran dengan bekerja secara berpasukan, menggunakan pelbagai sumber dan belajar cara menyelesaikan masalah. Yang lebih penting ialah pelajar mampu berdikari dalam membuat analisis, sintesis dan penilaian. SCL juga jika dilaksanakan dengan betul boleh menukarkan corak pendidikan kepada proses pembelajaran sepanjang hayat. Ini kerana pelajar berkemampuan menyelesaikan masalah yang timbul tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru.

## Rujukan

- Abdullah (1998). Vocational Education and Training in an Industrialising Economy. Unpublished PhD Tesis.
- Alley (1996). Dalam Smith, R. <http://www.gsu.edu/~mstswhcourses/it7000/papers/student-1.html>
- Bengtsson, J. (1993), Labor Market of the Future: The Challenge to Education Policy Makers. *European Journal of Education*. Vol. 28, No. 2. 135-156.

- Dinan dan Frydrychowski (1995). Dalam Smith, R.  
Retrieved from: <http://www.gsu.edu/~mstswhcourses/it7000/papers/student-1.html>
- Scete dan Gentry (1995). Dalam Smith, R.  
<http://www.gsu.edu/~mstswhcourses/it7000/papers/student-1.html>
- Felder, R.M. dan Brent, R. (1996). Navigating the bumpy road to student-centered instruction. *College Teaching*, Vol. 44, 2, 43-47.
- Hallak, J. dan Caillods, F. (1980), Introduction. Education, Work and Employment – 1 Paris : UNESCO.
- Hoong, S.S. (1989), Human Resources-Advanced Skill and Vocational Training. *Paper Presented at the Centre for Instructor and Advanced Skill Training (CIAST)*.
- Jones, L. Dan Moore, R. (1995), Appropriating Competence: The Competency Movement, the New Right and the Culture Change Project. *British Journal of Education and Work*. Vol. 8, No. 2, 78-90.
- Motschnig-Pitrik, R. Combining Carl Rogers' student-centered learning with eLearning: Experiences, consequences, and hypothese.  
Retrieved on July 2004 from: <http://www.saybrook.edu/crr/papers/motschnig-.html>
- 'Negara Kurang 35,000 Tenaga Mahir' *Utusan Malaysia*, 19 Jun 2004, ms 10.
- Newby, T.J.; Stepich, D.A.; Lehman, J.D.; Russell, J.D. (2000). Instructional Technology for Teaching and Learning. New Jersey: Prantice Hall.
- Rees, G. Williamson, H. Dan Winckler, V. (1989), Employers' Recruitment Strategies. Vocational Education and Training: An Analysis of a 'Loose' Labour Market. A *Research Report*. University of Wales, Cardiff: Education, Training and Labour Markets Research Group, School of Social and Administrative Studies.
- Rosenberg, M.J. (2001). E-Learning. New York: McGraw Hill.
- Starz, C. (1997), Do Employers Need the Skills They Want? Evidence From Technical Work. *Journal of Education and Work*. Vol. 10, No. 3, 205-223.
- Stewart, J. dan Sambrook, S. (1995), The Role of Functional Analysis in National Vocational Qualifications: A Critical Appraisal. *British Journal of Education and Work*. Vol. 8, No. 2. 93-105.
- Tengku Mahaleel (2002). Qualities for graduate students required for work in the private sector. Kertas kerja pembentangan di Seminar Antara Industri dan IPTA pada 6-7 Ogos 2002.